

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 3 ( 14 )

Tarikh : 24 Mac 2021

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING MQA BIL. 1/2021**

**PENGGUNAAN EDISI TERKINI STANDARD: IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan dokumen Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (Standards: Master's and Doctoral Degree) yang mana pemakaianya telah dikuatkuasakan bermula 1 April 2013 melalui Pekeliling MQA Bil. 1/2013 bertarikh 4 Mac 2013. Dokumen ini telah menjadi rujukan utama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran dan jaminan kualiti program Sarjana dan Kedoktoran di Malaysia.

3. Bagi memastikan kandungan Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran kekal relevan, MQA telah melaksanakan kajian semula terhadap dokumen ini. Kandungan dokumen telah ditambah baik oleh panel pakar selaras dengan perkembangan pendidikan tinggi dalam dan luar negara serta input yang diterima daripada pihak berkepentingan.

4. Kajian semula Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran adalah berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF). Kandungannya menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program Sarjana dan Kedoktoran.

5. Dokumen ini merupakan rujukan kepada PPT dalam pembangunan dan jaminan kualiti program serta digunakan oleh pegawai dan Ahli Panel Penilai (APP) MQA dalam proses penilaian akreditasi program. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan edisi terkini Standard: Ijazah Sarjana



*Sila edarkan kepada ahli MDPS*  
*Xuzi 27/5/2021*

dan Kedoktoran dapat menghasilkan graduan program Sarjana dan Kedoktoran yang relevan dan berkualiti.

6. PPT yang menawarkan program Sarjana dan Kedoktoran adalah tertakluk kepada pematuhan edisi terkini Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran di samping standard program yang berkaitan dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Audit Pematuhan. **Sekiranya terdapat perbezaan antara Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran dengan standard program, standard yang lebih tinggi akan terpakai.**

7. Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, Kod Amalan Akreditasi MQA yang berkaitan serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. PPT dibenarkan untuk menambah elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.

8. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH KUAT KUASA	PERKARA
1.	1 April 2021 sehingga 31 Mac 2022	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi ketetapan dokumen.
2.	1 April 2021	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh perlu memenuhi kelayakan masuk berdasarkan dokumen.
3.	1 April 2021	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi ketetapan dokumen.

9. Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**